

Abdullah puas hati pencapaian 3 tahun

BH - 13/12/2006

PM azam rapat jurang pembangunan, tingkat modal insan

BANGKOK: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau mempunyai sebab untuk berpuas hati terhadap pencapaiannya sejak menjadi Perdana Menteri tiga tahun lalu, namun mahu berusaha lebih gigih untuk merapatkan jurang pembangunan dalam infrastruktur fizikal serta modal insan di Malaysia.

"Dengan mengambil kita faktor masa, juga masalah yang saya hadapi dan defisit yang saya sudah kurangkan, apa yang saya capai hari ini pada tahun ketiga sebagai Perdana Menteri, saya ada sebab untuk bergembira," katanya.

Abdullah yang mengambil alih kepemimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober 2003, berkata demikian dalam temubual dengan Ketua Pengarang *Bangkok Post*, Pichai Chuensuksawadi, di kediaman Perdana Menteri di Putrajaya.

Abdullah berkata, ia bukan laluan

mudah kerana beliau membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (MRK-9) dan Misi Nasional pada 31 Mac 2006 serta pada akhir Mei, Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskannya.

"Ia mengambil masa untuk merancang RMK-9. Ia tidak semudah itu, saya perlu berfikir secara mendalam. Rancangan ini mesti mampu membawa kami merealisasikan Wa-

“ Dengan mengambil kita faktor masa dan defisit yang saya kurangkan, saya ada sebab untuk bergembira ”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

wasan 2020, terutama Misi Nasional. Saya mesti tumpukan pada 2020.

"Kita mesti teliti tiga rancangan lima tahun sebelum ini bagi memastikan wujud kesinambungan, kerana tempoh 15 tahun ini ialah Misi Nasional," katanya.

Abdullah berkata, lebih banyak perlu dilakukan dalam pembangunan insan walaupun proses itu sukar.

"Bagi saya modal insan, dari segi rakyat, mereka mesti kuat mental, fizikal dan rohani. Ramai orang yang pandai tetapi penipu, penyangak menyalahgunakan kuasa dan rasuah. Saya tidak mahu itu. Jika anda pandai, anda mestilah orang baik," katanya.

Abdullah berkata, kurikulum untuk pendidikan rendah dan tinggi perlu diteliti kerana kini wujud perbezaan jenis latihan, termasuk untuk pelajar yang menamatkan persekolahan, sebagai persediaan memasuki pasaran kerja.

Perkara lain yang beliau mahu lak-

sanakan ialah mengurangkan jurang pembangunan di kawasan tertentu, seperti di utara, Kelantan dan Terengganu yang tidak semaju Lembah Klang.

"Wujud jurang pembangunan infrastruktur fizikal dan insan. Saya sentiasa percaya pada peluang berkualiti," katanya.

Memetik pendidikan sebagai contoh, Abdullah berkata, kualiti pendidikan yang sama mesti disediakan untuk kawasan bandar dan luar bandar, termasuk guru dan buku.

"Jika anda bercakap mengenai penembusan internet, ia mesti meliputi mereka. Kita tidak boleh merealisasikan wawasan 2020 jika ada jurang dalam pembangunan.

"Kita ada jurang etnik, jurang antara kawasan. Penduduk di kawasan industri mendapat pendapatan yang lebih baik, dan di kawasan pertanian, tidak begitu. Wujud banyak perbezaan," katanya. - Bernama